

20/01/2002

Kebebasan mutlak media hanya satu mitos

PADA teori, kebebasan media adalah mutlak. Pada hakikat, ia tiada wujud di mana-mana pun dalam alam ini. Ia hanya retorika idea.

Sedap didengar, dicakap dan diingini - itu sahaja. Apa pun ada had dan sempadan. Itu fitrah hidup bermasyarakat, bernegeri dan berkerajaan. Undang-undang dan adat menentukan kebebasan itu, kalau tidak manusia hidup bagai dalam hutan rimba.

Saya mendengar ucapan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Dalam Negeri, yang mengeluarkan dan memantau lesen dan kebebasan media, penuh minat Selasa lalu ketika merasmikan Star Media Hub di Shah Alam.

Bahawa media harus telus, amanah, adil dan berwibawa. Pengamalnya dan tauke wajib bertanggungjawab, berintegriti, yakni tiada jadi 'wartawan sampul surat', mengamali jurnalisme upahan.

Apakah status media di Malaysia? Bebas! Setimpal dengan kebebasan yang wujud di negara-negara maju, jika diambil kira dalam konteks politik intra bangsa, agama, bahasa dan sejarah kemerdekaannya.

Lebih bebas daripada media di negara komunis (masih ada!) kebanyakan negara di Afrika dan Asia Barat (Timur Tengah) hatta dibanding dengan tidak kurang lima negara Asean!

Saya tahu kerana saya sudah menjadi pengamal jurnalisme dari bawah hingga kemuncaknya semenjak berumur 19 tahun, sebelum dan selepas merdeka. Dan saya tinggal di Amerika Syarikat dan Britain hampir satu pertiga dari usia yang kini menuju ke-64.

Dalam masa 45 tahun sebagai penulis, baru tiga makalah saya "digamkan", satu oleh Utusan Malaysia. Datuk Johan Jaafar Ketua Pengarangnya waktu itu menelefon saya ke New York mohon saya understanding (faham sebabnya).

Saya menerimanya kerana tulisan itu pada waktu itu mengikutnya tidak membantu satu personaliti terkemuka walaupun jelas makalah saya itu baik untuknya, masa tidak kena, tegas Johan.

The Sun, akhbar yang kini bermasalah setelah hampir empat tahun sebagai kolumnisnya telah menahan diterbitkan tulisan saya memuji muzik P Ramlee yang kian diminati semua bangsa. Sebenarnya, saya diberitahu oleh bekas seorang pengarang bahawa Ketua Pengarang Sun tatkala itu tidak senang dengan banyak tulisan saya dan mencari sebab bagi memberhentikannya. Maka datanglah sebabnya apakala saya dianggap 'kroni' Datuk Seri Anwar Ibrahim melalui pengakuan bekas Naib Gabenor Bank Negara ketika itu, Datuk Abdul Murad Khalid. Kalau saya kroni Anwar saya sudah jadi kaya-raya dan sekarang bermastautin di Kensington Greens di London, satu kawasan kediaman mewah yang digemari orang Malaysia dan asing.

Ketiga, pada 1959 sebelum pilihan raya umum, Harry Miller, Ketua News Editor Straits Times, meminta saya menulis mengenai status orang Melayu di ibu kota, dua tahun selepas merdeka. Miller memuji makalah itu yang pada pendapatnya mencerminkan apa yang sebenarnya dan amat prihatin kepada keadaan yang wujud. Tegasnya: "Dollah. Excellent story. But we cannot publish it. Straits Times will be misconstrued by the Government - satu cerita cemerlang tetapi tidak boleh dipakai kerana Straits Times akan dituduh ada agenda."

Hingga awal tahun tujuh puluhan Straits Times (kini NST) dipunyai, diusahakan dan dieditkan oleh orang putih. Dalam umurnya 156 tahun New Straits Times baru mempunyai lima Ketua Pengarang anak Malaysia: Pertama; Tan Sri Lee Siew Yee, kedua Tan Sri Dr Noordin Sopiee, ketiga Datuk Dr Munir Majid, keempat Datuk A Kadir Jasin dan kini saya.

Saya tidak pernah diarah buat ini dan buat itu; tulis itu dan jangan siar itu oleh sesiapa pun. Ini menunjukkan dengan jelas kerajaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baik timbalannya Abdullah, tidak campur tangan.

Apa yang disiarkan adalah keputusan saya setelah mendapat pandangan daripada Lembaga Pengarang yang bersidang setiap petang selepas Asar. Itu juga terjadi di akhbar mana pun. Kalau pun ada censorship ia datang dari Ketua Pengarang kerana sebab yang hanya dia saja tahu! Lebih jelas dikatakan self-censorship.

Seorang Ketua Pengarang yang berwibawa di mana pun tidak harus cari sebab kecualilah masa darurat atau di mana penerbitan berita itu akan menerbitkan kebencian dan berlakunya rusuhan dan huru-hara atau musim perang kerana menjamin rahsia tentera dan bagi matlamat propaganda.